

UMS wujud Tabung Amanah Biasiswa

► Untuk kemudahan mahasiswa universiti berkenaan

UB 13.11.2014 B4

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah mengumumkan pengwujudan Tabung Amanah Biasiswa untuk kemudahan siswa-siswi universiti itu.

Menurut beliau, tabung itu akan memberi bantuan biasiswa kepada mahasiswa UMS melalui sumbangan yang bakal diberikan oleh warga Universiti EkoPelancongan itu.

“Untuk ini, saya menyeru dan mempelawa agar warga UMS tampil memberi sumbangan ke atas tabung amanah biasiswa ini yang bakal memberi faedah kepada anak bangsa kita,” katanya padamajlis perasmian Minggu Bertemu Pelanggan Jabatan Bendahari, Perpustakaan



HARUN melawat kaunter-kaunter bertemu pelanggan.

dan Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan UMS baru-baru ini.

Harun berkata, tabung

berkenaan akan diuruskan oleh Seksyen Endowment UMS.

Mengenai program Minggu

Hari Bertemu Pelanggan itu, beliau menyatakan sokongan terhadap program yang disifatkannya amat



HARUN turut memasukkan sumbangan peribadi untuk Tabung Amanah Mahasiswa selepas mengumumkan pengwujudan tabung itu sambil diperhatikan Pendaftar UMS Datuk Abdullah Hj Mohd Said (tiga dari kanan).

“Untuk ini, saya menyeru dan mempelawa agar warga UMS tampil memberi sumbangan ke atas tabung amanah biasiswa ini yang bakal memberi faedah kepada anak bangsa kita.”

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

bermanfaat.

“Tanpa rasa prejudis dan malu, nyatakanlah segala pandangan, aduan, cadangan kepada pihak pengangur iaitu Jabatan Bendahari, Perpustakaan dan JPP supaya yang salah dapat dibetulkan, yang kurang ditambah dan yang kompleks

dipermudahkan.

“Saya juga yakin kepelbagai aktiviti sepanjang minggu ini boleh memberikan manfaat yang sangat banyak kepada kita semua dari segi ilmu pengetahuan, hubungan baik, jalinan kerjasama dan banyak lagi,” katanya.

Program itu yang berlangsung lima hari turut menyediakan gerai pameran yang disertai pelbagai agensi kerajaan dan swasta.